

16 JUN 1997

MTD CAPITAL BANGUNKAN BANDAR BARU DI CHILE

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- MTD Capital Bhd, melalui anak syarikat milik penuhnya, MTD Chile S.A., telah memeterai perjanjian usaha sama dengan Jorge Fontaine Aldunate dari Chile untuk melaksanakan cadangan projek pembangunan harta di negara itu.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini, MTD memaklumkan bahawa projek yang dicadangkan itu membabitkan kawasan lebih 600 hektar di Pirque, berhampiran ibu negara Chile, Santiago.

Mengikut cadangan, kawasan tersebut akan dibangunkan sebagai sebuah bandar satelit dengan kawasan peranginan dan desa. Keseluruhan projek itu dijangka mengambil masa lapan hingga sepuluh tahun untuk disiapkan.

Projek berkenaan akan dimajukan oleh syarikat usaha sama yang dikenali sebagai EL Principal S.A, dalam mana MTD Chile memegang 51 peratus kepentingan ekuitinya manakala selebihnya dipegang oleh Aldunate.

Penubuhan usaha sama itu akan memberi peluang kepada MTD Capital mengeksport kepakaran pengurusannya dalam bidang pembangunan harta dan pembinaan di samping mengambil bahagian dalam ekonomi Chile yang berkembang pesat.

Pelaburan itu juga adalah seiring dengan seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya dipertingkatkan lagi hubungan Selatan Selatan. -- BERNAMA

MK DIN/sia